

**KUIZ PENGETAHUAN ALKITAB PERINGKAT KEBANGSAAN SECARA POS
YANG KE-17 TAHUN 2016**

**Dihasilkan oleh Scripture Union di Semenanjung Malaysia
dan ditaja oleh Majlis Sekolah Kristian Malaya (MCSC)**

NAMA PENUH MENGIKUT MYKAD:

SEKOLAH/GEREJA/PUSAT:

PEKAN/BANDAR:

Jangan ceraikan sebarang halaman daripada kertas kuiz ini!

Kuiz ini merupakan kuiz peringkat kebangsaan.

JANGAN ambil masa lebih daripada 45 minit untuk menyiapkan kedua-dua bahagian kuiz ini.

JANGAN tiru atau benarkan jawapan anda ditiru.

JANGAN bincangkan soalan atau jawapan kuiz dengan peserta dari pusat kuiz yang lain.

Teks Alkitab: **Keluaran 5-12 & Injil Lukas 1-8**

Rujukan Alkitab diberikan dalam kurungan.

ISI TEMPAT KOSONG (BAHAGIAN A) – 40 markah

- Tulis jawapan anda dengan jelas pada ruang kosong yang disediakan.
- Jawapan yang tepat pada setiap ruang kosong (_____) akan diberikan 2 markah.

Soalan 1-3 daripada Keluaran 5-12

- 1.** Aku akan mengangkat kamu untuk menjadi _____-Ku, dan Aku akan menjadi Allahmu. Kamu akan tahu bahawa Akulah _____, Allahmu, yang membebaskan kamu daripada perhambaan di Mesir. (6:7)

- 2.** Katakanlah kepada _____ itu, "TUHAN, Allah orang Ibrani, telah mengutus aku _____ memberitahu engkau untuk mengizinkan umat-Nya pergi supaya mereka dapat _____ kepada-Nya di padang gurun. Tetapi sampai sekarang engkau tidak mahu mendengar." (7:16)

3. Semua orang Israel _____ dan melakukan segala yang _____ TUHAN kepada Musa dan Harun. Pada hari itu TUHAN membawa seluruh umat Israel keluar dari Mesir. (12:50-51)

Soalan 4-10 daripada Lukas 1-8

4. Malaikat itu berkata kepadanya, "Jangan takut, Maria, kerana Allah berkenan kepada engkau. Engkau akan hamil dan melahirkan seorang _____, dan engkau hendaklah menamai Dia _____." (1:30-31)
5. Yesus makin bertambah _____ dan bijaksana, serta _____ oleh Allah dan manusia. (2:52)
6. Yesus menjawab, "Dalam _____ tertulis, 'Sembahlah Tuhan Allahmu dan kepada-Nya sahaja engkau _____.'" (4:8)
7. Apabila Yesus melihat betapa besarnya _____ mereka, Dia berkata kepada orang itu, "Saudara, dosamu sudah _____." Guru-guru Taurat dan orang Farisi mulai berkata satu sama lain, "Siapa orang ini yang berani mengukuri Allah? Allah sahaja yang boleh mengampunkan dosa!" (5:20-21)
8. "Tetapi Aku berkata kepada kamu yang mendengarkan Aku. _____ musuhmu, dan berbuatlah baik kepada orang yang membencimu. _____ orang yang mengutukmu, dan doakanlah orang yang menganiayaimu." (6:27-28)
9. Hendaklah kamu _____ seperti _____ kamu juga berbelas kasihan!" (6:36)
10. Apabila Tuhan Yesus melihat wanita itu, Dia _____ kepadanya lalu berkata, "Jangan menangis!" Kemudian Yesus mendekati dan menyentuh keranda itu. Maka pengusung-pengusung berhenti. Yesus berkata, "Hai pemuda, Aku menyuruh engkau bangun!" Pemuda yang sudah mati itu, bangun dan mulai bercakap. Yesus pun menyerahkannya kepada _____nya. (7:13-15)

THE 17TH NATIONAL POSTAL BIBLE KNOWLEDGE QUIZ 2016
Objective Questions Answer Sheet

FULL NAME (MYKAD): _____

SCHOOL/CHURCH/CENTRE: _____

TOWN/CITY: _____

Shade in the space provided only. Example: To answer 'B'

(A)



(C)

- | | | | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|
| 1. | (A) | (B) | (C) | 16. | (A) | (B) | (C) |
| 2. | (A) | (B) | (C) | 17. | (A) | (B) | (C) |
| 3. | (A) | (B) | (C) | 18. | (A) | (B) | (C) |
| 4. | (A) | (B) | (C) | 19. | (A) | (B) | (C) |
| 5. | (A) | (B) | (C) | 20. | (A) | (B) | (C) |
| 6. | (A) | (B) | (C) | 21. | (A) | (B) | (C) |
| 7. | (A) | (B) | (C) | 22. | (A) | (B) | (C) |
| 8. | (A) | (B) | (C) | 23. | (A) | (B) | (C) |
| 9. | (A) | (B) | (C) | 24. | (A) | (B) | (C) |
| 10. | (A) | (B) | (C) | 25. | (A) | (B) | (C) |
| 11. | (A) | (B) | (C) | 26. | (A) | (B) | (C) |
| 12. | (A) | (B) | (C) | 27. | (A) | (B) | (C) |
| 13. | (A) | (B) | (C) | 28. | (A) | (B) | (C) |
| 14. | (A) | (B) | (C) | 29. | (A) | (B) | (C) |
| 15. | (A) | (B) | (C) | 30. | (A) | (B) | (C) |

Highly Commended (HC) = 80 - 100%

Commended (C) = 60 - 79%

Pass (P) = 40 - 59%

Fail (F) = 0 - 39%

Example

Fill in the blanks +	Objective	Add	Roundup to Total	Grade
10 ½ x 2	25 x 2	70 ½	71	C

Student's Grade

Fill in the blanks +	Objective	Add	Roundup to total	Grade
x 2	x 2			

(Mukasurat yang berikut adalah kosong)

**KUIZ PENGETAHUAN ALKITAB PERINGKAT KEBANGSAAN SECARA POS
YANG KE-17 TAHUN 2016**

**Dihasilkan oleh Scripture Union di Semenanjung Malaysia
dan ditaja oleh Majlis Sekolah Kristian Malaya (MCSC)**

SOALAN OBJEKTIF (BAHAGIAN B) – 60 markah

Pilih jawapan A, B atau C dan hitamkan jawapan anda pada halaman 3

Soalan 1-7 daripada Keluaran 5-12

1. Apakah perintah Raja Mesir pada hari Musa pertama kali memintanya untuk membenarkan orang Israel pergi? (5:1-8)
 - A** Dia memerintahkan pengerah-pengerah hamba berbangsa Mesir untuk memukul hamba-hamba berbangsa Israel.
 - B** Dia memerintahkan pengerah-pengerah hamba berbangsa Mesir untuk memukul mandur-mandur berbangsa Israel.
 - C** Dia memerintahkan hamba-hamba berbangsa Israel untuk membuat batu bata tanpa diberi jerami.

2. Allah berfirman kepada Musa bahawa Dialah TUHAN yang menampakkan diri kepada Abraham, Ishak dan Yakub sebagai Allah Yang Maha Kuasa. Dia juga mengadakan perjanjian dengan mereka dan berjanji akan _____. (6:2-4)
 - A** memberikan negeri Kanaan kepada mereka
 - B** memberkati dan melindungi mereka
 - C** melipatgandakan bilangan mereka

3. TUHAN berfirman kepada Musa dan Harun, "Jika Raja Mesir meminta kamu untuk melakukan suatu mukjizat, beritahulah Harun untuk mengambil tongkatnya dan mencampakkannya di hadapan raja. Maka tongkat itu akan berubah menjadi ular." Apabila Harun mencampakkan tongkatnya di hadapan raja dan para pegawainya, tongkat itu pun menjadi ular. Ahli-ahli sihir raja juga dapat membuat tongkat mereka untuk menjadi ular. Apakah yang berlaku seterusnya? (7:8-12)
 - A** Tongkat Harun berlawanan dengan tongkat ahli-ahli sihir.
 - B** Tongkat Harun menelan tongkat ahli-ahli sihir.
 - C** Tongkat Harun mematuk lalu membinasakan tongkat ahli-ahli sihir.

4. Apakah yang berlaku apabila Harun memukul debu tanah Mesir dengan tongkatnya? (8:17)
 - A** Debu di seluruh Mesir berubah menjadi agas yang tidak terhingga banyaknya.
 - B** Debu meliputi seluruh tanah Mesir dan menimbulkan bisul yang pecah bernanah pada orang Mesir.
 - C** Belalang meliputi seluruh permukaan bumi sehingga tanah tidak lagi kelihatan.

5. Para pegawai dan warga Mesir menganggap Musa sebagai seorang _____. (11:3)
 - A** ahli sihir
 - B** pengacau
 - C** yang dipandang tinggi

6. Pada malam Paskah yang pertama, mengapakah kedengaran tangisan yang kuat di seluruh Mesir? (12:29-30)
- A Semua anak sulung haiwan mati.
 - B Semua anak lelaki sulung orang Mesir mati.
 - C Semua orang Mesir menjadi takut akan kematian.
7. Berapakah malapetaka yang telah menimpa orang Mesir sebelum raja mereka mengizinkan orang Israel untuk meninggalkan Mesir? (7:20-12:32)
- A 10
 - B 11
 - C 12

Soalan 8-30 daripada Lukas 1-8

8. Injil Lukas ditulis kepada Teofilus supaya dia dapat _____. (1:1-4)
- A menjadi paderi
 - B mengembalikan orang yang ingkar ke jalan orang benar
 - C mengetahui kebenaran yang sepenuhnya tentang setiap perkara yang telah diajarkan kepadanya
9. Ketika Zakharia melaksanakan tugasnya sebagai imam di Bait Tuhan, malaikat Tuhan menampakkan diri kepadanya dan menyampaikan berita baik bahawa _____. (1:13)
- A dia akan berkuasa seperti Elia
 - B isterinya akan melahirkan seorang anak lelaki baginya
 - C dia akan mendamaikan bapa dengan anak
10. Malaikat berkata bahawa sejak lahir Yohanes Pembaptis akan dipenuhi oleh _____. (1:15)
- A Roh Kudus
 - B kebijaksanaan Tuhan
 - C sukacita daripada Tuhan
11. Apabila Kaisar Agustus menitahkan banci dilaksanakan di seluruh kerajaan Roma, Yusuf berangkat bersama-sama Maria dari Nazaret ke Betlehem di Yudea, tempat lahir Raja Daud untuk mendaftarkan diri. Sebabnya Yusuf _____. (2:4)
- A dilahirkan di Betlehem
 - B daripada keturunan Daud
 - C membuat keputusan untuk menjadikan Betlehem sebagai tempat tinggalnya
12. Apabila ibu bapa Yesus menemukan-Nya di Bait Tuhan, jawapan-Nya kepada pertanyaan ibu-Nya, "Anakku, mengapakah Engkau berbuat demikian terhadap kami? Ibu dan ayah cemas mencari Engkau." ialah "Mengapa ibu dan ayah mencari Aku? Tidakkah ibu dan ayah tahu bahawa Aku harus _____. (2:48-49)
- A berada di dalam rumah Bapa-Ku
 - B mengkhutbahkan Berita Baik
 - C mencabar guru-guru agama orang Yahudi
13. Apabila firman Allah datang kepada Yohanes anak Zakharia di padang gurun pada tahun kelima belas pemerintahan Kaisar Tiberius, dia pergi ke seluruh daerah Sungai Yordan dan berkhotbah. Khutbah Yohanes mengikut urutan yang betul ialah _____. (3:3)
- I Kamu harus dibaptis.
 - II Bertaubatlah daripada dosa kamu.
 - III Allah akan mengampunkan dosa kamu.

A I, II dan III

B II, I dan III

C II, III dan I

- 14.** Yohanes menegur Raja Herodes kerana dia _____. Oleh itu, Herodes memenjarakan Yohanes. (3:19-20)
A mengadakan parti sumbang
B mengahwini saudara perempuan tirinya
C mengahwini isteri saudaranya
- 15.** Apabila orang ramai tertanya-tanya dalam hati tentang Yohanes, kalau-kalau dialah Mesias, Yohanes berkata kepada semua orang itu, "Aku membaptis kamu dengan air, tetapi Dia yang lebih berkuasa daripada aku akan datang. Aku tidak layak walaupun untuk mengurai tali kasut-Nya. Dia akan membaptis kamu dengan _____." (3:16)
A Roh Kudus **B** Roh Kudus dan api **C** Roh Kudus dan air
- 16.** Sekembali Yesus dari Sungai Yordan, Dia penuh dengan Roh Kudus. Siapakah yang memimpin-Nya ke padang gurun untuk dicubai oleh Iblis selama empat puluh hari? (4:1-2)
A Iblis **B** Roh Kudus **C** Tuhan Bapa
- 17.** Bagaimanakah Yesus mengatasi semua cubaan dan mengalahkan Iblis semasa Dia berada di padang gurun? (4:3-13)
A Dengan berdiam diri
B Dengan berpuasa dan berdoa
C Dengan memetik firman dalam Kitab Suci
- 18.** Apabila Yesus masuk ke rumah ibadat di Nazaret, Dia berdiri hendak membaca kitab Nabi Yesaya, "Roh Tuhan ada pada-Ku kerana Dia telah memilih Aku untuk menyampaikan khabar baik kepada orang miskin. Dia telah mengutus Aku untuk memberitakan pelepasan kepada orang tawanan, penyembuhan kepada orang buta, dan pembebasan orang yang tertindas serta mengisytiharkan tibanya masa Tuhan akan menyelamatkan umat-Nya." Apakah yang dikatakan oleh Yesus kepada semua orang di rumah ibadat yang menumpukan pandangan kepada-Nya? (4:16-21)
A Pada hari ini ayat-ayat Kitab Suci ini telah terlaksana ketika kamu mendengarnya.
B Dalam Kitab Suci tersurat bahawa manusia hidup bukan dengan roti sahaja.
C Dalam Kitab Suci tersurat, "Hendaklah engkau menyembah Allah, Tuhanmu dan kepada-Nya sahaja engkau beribadat."
- 19.** Semasa Yesus berada di rumah Simon, ibu mentua Simon sedang demam panas dan mereka memberitahu Yesus tentangnya. Yesus pergi berdiri di tepi katilnya dan mengusir demam itu. Ibu mentua Simon terus pulih. Apakah yang dilakukan oleh wanita itu dengan serta-merta? (4:38-39)
A Dia bangun dan melayani mereka.
B Dia bangun dan memuji Yesus.
C Dia bangun dan menyembah Yesus.
- 20.** Oleh sebab Simon Petrus patuh kepada perintah Kristus, dia menebarkan jala lalu menangkap sejumlah besar ikan yang dapat memenuhi dua buah perahu sehingga perahu-perahu tersebut hampir tenggelam. Apabila Simon Petrus melihat hal itu, dia pun berlutut di hadapan Yesus. Apakah yang dikatakannya? (5:4-8)

- A** "Pergilah daripadaku, Tuhan, kerana aku ini seorang berdosa!"
B "Berbelas kasihanlah kepadaku, Tuhan, kerana aku ini seorang berdosa!"
C "Engkaulah Mesias, Anak Allah Yang Hidup."
- 21.** Pada suatu kali Yesus berada di sebuah kota. Di situ ada seorang yang menghidap penyakit kusta. Ketika dia melihat Yesus, dia meniarap dan memohon, "Tuan, jika Tuan mahu, Tuan berkuasa untuk mentahirkan aku." Mengikut urutan yang betul, apakah yang dilakukan oleh Yesus? Lukas mencatat bahawa seketika itu juga lenyaplah penyakit kustanya. (5:12-13)
 I Yesus menyentuh orang itu
 II Yesus menghulurkan tangan-Nya
 III Yesus berkata, "Aku mahu. Tahirlah engkau!"
A II, III dan I **B** II, I dan III **C** III, II dan I
- 22.** Setelah menyembuhkan seorang yang lumpuh, Yesus keluar dan nampak seorang pemungut cukai yang bernama Lewi sedang duduk di tempat memungut cukai. Yesus berkata kepadanya, "Ikutlah Aku!" Apakah yang terus dilakukan oleh Lewi? (5:27)
A Lewi mengadakan suatu jamuan besar di rumahnya untuk Yesus.
B Lewi bangun, meninggalkan semuanya dan mengikut Yesus.
C Lewi menjemput semua kawannya untuk bertemu dengan Yesus.
- 23.** Ketika hari siang, Yesus memanggil murid-murid-Nya kepada-Nya, dan daripada mereka itu, Dia memilih dua belas orang yang digelar-Nya rasul. Apakah yang dilakukan oleh Yesus pada malam sebelum Dia memilih mereka? (6:12-13)
A Yesus ke bukit untuk bertafakur.
B Yesus berpuasa dan mendoakan kehendak Allah.
C Yesus berdoa semalam-malaman kepada Allah
- 24.** Yesus mengajar murid-murid-Nya prinsip keemasan yang mengatakan, "_____."
 (6:31)
A Kasihilah kawan-kawanmu tetapi jauhilah musuh-musuhmu.
B Berbuatlah kepada orang lain seperti yang kamu ingin mereka berbuat kepadamu.
C Janganlah berbuat kepada orang lain apa yang tidak kamu ingin mereka berbuat kepadamu.
- 25.** Apakah panggilan yang diberikan oleh Yesus kepada orang yang melihat selumbar yang ada di dalam mata saudara mereka, tetapi tidak menyedari sebatang kayu yang ada di dalam mata mereka sendiri? (6:41-42)
A Orang yang suka mencari kesalahan
B Orang benar
C Orang munafik
- 26.** Yesus berkata, "Orang yang baik mengeluarkan perkara yang baik daripada hati yang berlimpah-limpah dengan kebaikan dan orang yang jahat mengeluarkan perkara yang jahat daripada hati yang penuh dengan kejahatan. Seseorang akan meluahkan _____." (6:45)
A apa yang terkandung di dalam hatinya
B kata-kata yang penuh dengan penipuan
C kata-kata yang mungkin memberkati atau mengutuk

- 27.** Yesus berkata, “Setiap orang yang datang kepada-Ku dan _____ --- Aku akan menunjukkan kepadamu keadaan orang tersebut. Dia umpama seorang yang mendirikan rumah. Dia menggali lubang dalam-dalam lalu meletakkan asas rumah itu di atas batu. Apabila banjir berlaku, arus dari sungai akan melanda rumah itu tetapi tidak dapat menggoncangkannya kerana rumah itu didirikan dengan kukuh.” (6:47-48)
- A** mendengar perkataan-Ku serta mentaatinya
 - B** mendengar perkataan-Ku serta mempelajarinya
 - C** mendengar perkataan-Ku serta bertafakur tentangnya
- 28.** Di Kapernaum seorang ketua tentera Roma menunjukkan iman yang besar terhadap Yesus apabila dia meminta Yesus untuk menyembuhkan hambanya yang sakit tenat dan hampir mati. Ketua tentera ini telah menyuruh beberapa orang sahabatnya untuk memberitahu Yesus sesuatu yang menunjukkan imannya yang besar. Apakah yang dikatakan kepada Yesus? (7:2-9)
- A** “Berikan perintah sahaja dan hambaku akan sembuh.”
 - B** “Aku menganggap diriku tidak layak untuk datang kepada Tuan.”
 - C** “Aku di bawah perintah orang atasan dan aku ada askar di bawah perintahku.”
- 29.** Pada suatu hari Yesus bersama dengan murid-murid-Nya menaiki sebuah perahu. Ketika mereka sedang belayar, Yesus tertidur. Tiba-tiba angin ribut bertiup ke tasik itu dan perahu itu pun dimasuki air sehingga mereka berada dalam bahaya. Muri-murid Yesus pergi kepada-Nya dan mengejutkan-Nya. Mereka berkata, “Tuan, Tuan, kita hampir tenggelam!” Apakah yang dilakukan Yesus yang mengagumkan mereka? (8:22-25)
- A** Yesus menegur mereka kerana iman mereka kurang.
 - B** Angin dan ombak menjadi tenang selepas diperintah oleh Yesus.
 - C** Yesus menyuruh murid-murid-Nya supaya tidak cemas and Dia tidur kembali.
- 30.** Yesus dan murid-murid-Nya belayar ke wilayah Gerasa. Setelah mereka mendarat, Yesus menemui seorang lelaki yang dirasuk roh-roh iblis. Yesus memerintah roh durjana itu keluar daripada lelaki itu dan dia pun dibebaskan. Apakah yang dikatakan Yesus kepada lelaki itu apabila dia meminta Yesus untuk membenarkannya mengikut-Nya? (8:26-39)
- A** “Pulanglah ke rumahmu dan jangan berdosa lagi.”
 - B** “Pulanglah ke rumahmu dan khabarkanlah segala yang dilakukan Allah untukmu.”
 - C** “Ikutlah Aku dan mulai sekarang engkau akan menjala manusia.”

JANGAN CERAIKAN SEBARANG HALAMAN DARIPADA KERTAS KUIZ INI.

SERAHKAN SEMUA KERTAS KEPADA PENGAWAS.

SUDAHKAH ANDA MENULIS NAMA PENUH ANDA DENGAN JELAS DAN BETUL?

ADAKAH GURU ANDA MENGEJA NAMA PENUH ANDA DENGAN BETUL?

SIJIL PENYERTAAN KUIZ AKAN MENCATAT NAMA ANDA SEPERTI YANG DITULIS DI SINI.